



LAMBORGHINI

Lelaki ini pada asalnya seorang pembuat traktor yang berjaya. Ia membangunkan traktor yang dibuat dari hasil lebih perkakas senjata semasa pasca Perang Dunia II. Ia mula menjadi kaya hasil dari traktor tersebut. Itulah Lamborghini. Mekanik yang handal pernah bertugas di Angkatan Udara Itali. Traktornya menggunakan nama Lamborghini.

MEMULAKAN HOBI YANG MAHAL

Kekayaan yang dimilikinya menjadikan dia mula terlibat dalam hobi yang mahal dengan membeli sebuah Ferrari 250 GT. Dia kecewa dengan kereta mewah tersebut kerana bahagian clutch bermasalah, hingga akhirnya dia membuat keputusan untuk bertemu dengan Enzo Ferrari untuk memberi cadangan.



PERJUMPAAN DENGAN ENZO FERRARI

Setelah bertemu, pandangannya dipandang sebelah mata oleh Enzo Ferrari. Bahkan ia dilemparkan dengan kata-kata sinis: "Masalah sebenarnya bukan pada kereta, tetapi pada pemandu!" Paling menyakitkan hati, Ferrari melontarkan ucapan pedas dan menyuruh Lamborghini meneruskan saja perniagaan traktornya itu.

SUMPAH LAMBORGHINI

Akibat terlampau marah kerana dihina Lamborghini bersumpah untuk mencipta kenderaan yang akan mengalahkan pesona Ferrari. Selepas itu Lamborghini mula serius mengeluarkan kereta berprestasi tinggi.

PENGAMBILAN PEKERJA FERRARI



Dia mengambil Giampaolo Dallara yang pernah bekerja dengan pasukan Ferrari V2. Termasuk Giotto Bizzarini, Franco Scaglione juga pernah bersama Ferrari diambil untuk melengkapkan misinya. Tiga orang ini sangat jelas tugas mereka adalah membuat GT mewah dan kuat yang mampu mencapai kelajuan 241km/jam.

GENEVA AUTO SHOW

Akhirnya kereta ini siap dengan jenama Lamborghini 350 GT dan diperkenalkan kepada umum pada bulan Mac 1964 di Geneva Auto Show.



PENGAJARAN



Makin kita dihina makin kita kuat untuk mencipta sesuatu



Cari daya dan usaha untuk tutup penghinaan yang dilontarkan kepada kita



Carilah orang yang betul membantu kita untuk mencipta sesuatu

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

“Dan janganlah kamu merasa lemah dan janganlah kamu berdukacita padahal kamulah orang-orang yang tertinggi jika kamu orang-orang yang beriman ”

(Al-i'Imran : 139)